

Syor tindakan tegas bekas suami abai nafkah

Islam agama yang adil dan memberi hak pembelaan secukupnya kepada wanita. Apabila wanita berkahwin dan melahirkan zuriat, tanggungjawab suami memberi nafkah serta menyediakan keperluan berkaitan bagi membentuk institusi keluarga yang sempurna. Tanggungjawab berkenaan tidak terhenti di situ. Jika ditakdirkan pasangan itu bercerai, lelaki tidak boleh lepas tangan dengan membiarkan bekas isteri dan anak 'terkapai-kapai' meneruskan kehidupan. Malangnya, ramai bekas suami alpa tugas dan tanggungjawab mereka. Ada yang sengaja culas, liat atau berhenti memberi nafkah serta keperluan lain kepada anak.

Justeru, cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusuf agar tindakan lebih tegas, termasuk mengenakan sekatan bank terhadap bekas suami culas dalam memberi nafkah kepada anak selepas perceraian, amat bersesuaian.

Dianggarkan sebahagian besar ibu tunggal di negara ini dikatakan hidup sengsara selepas ditinggalkan bekas suami tanpa nafkah sehingga perlu mencari pekerjaan bagi membesarkan anak, terutama yang masih kecil.

Ini tidak lagi rintangan ketika mendapatkan proses keadilan di mahkamah. Sering dilaporkan ada ibu tunggal menanggung beban sehingga berpuluh tahun untuk mendapatkan pembelaan, tetapi menemui jalan buntu.

Banyak kerenah birokrasi terpaksa diharungi. Kes membabitkan krisis rumah tangga, perceraian, tuntutan penjagaan anak, hadanah dan harta sepencarian bertimbun-timbun fail Mahkamah Syariah, belum diselesaikan.

Kebanyakan wanita ini tiada tempat mengadu dan keperluan penguatkuasaan tidak diberikan keadilan dari sudut nafkah yang sudah diputuskan Mahkamah Syariah.

Pepatah Melayu mengatakan habis manis sepah dibuang. Walau apa sahaja sebab perceraian, isunya tanggungjawab terhadap anak penting kerana mereka amanah Allah. Justeru, adalah lebih baik jika kedua-dua pihak menyelesaikan isu hak menerusi jalan perundingan bagi mengelak kes dibawa ke Mahkamah Syariah.

Namun, bukan semua berpihak kepada wanita. Akhirnya, bekas suami culas ini membawa kesan emosi dan trauma kepada bekas isteri dan anak.

Dalam Islam, hak anak tidak seharusnya diganggu dan disekat. Mereka perlu dipelihara dan dibekalkan ilmu sehingga anak boleh berdikari. Lebih parah, jika bekas isteri hanya suri rumah atau mereka yang berpendapatan rendah sehingga terpaksa bergolok-bergadai bagi menyara, membesarkan dan menyediakan keperluan anak.

Selain mendapatkan khidmat peguam, mereka yang menjadi mangsa boleh meminta khidmat Biro Bantuan Guaman sebagai platform wanita mendapatkan pembelaan, namun tidak semua berjalan lancar apabila bekas suami masih gagal dikesan.

Dari sudut lain, isu ini juga perlu dikaji secara menyeluruh dan bukan semata-mata menyalahkan bekas suami bagi memastikan keadilan kepada semua pihak.

Mungkin ada sebab atau punca yang membawa kepada bekas suami culas atau enggan membayar nafkah kerana bekas isteri ego, curang dan ada rahsia tertentu dalam rumah tangga yang tidak diketahui orang lain. Isu ini harus dilihat dalam semua aspek dan bukan hanya bekas isteri teraniaya sahaja diberi pembelaan.

Kepada yang benar-benar culas, selain menyekat akaun bank, bayaran nafkah tertunggak dilakukan menerusi potongan gaji berjadual, potongan menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau sekatan imigresen bagi menghalang bekas suami daripada ke luar negara.